

12/01/2003

Malaysia masih perlu bantuan kewangan Jepun

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Malaysia masih berharap Jepun akan terus menyalurkan bantuan kewangan mudah walaupun negara itu tidak lagi menganggap negara ini sebagai negara membangun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana pinjaman kewangan dari Jepun adalah paling menarik serta tidak membebankan berbanding pinjaman dari sumber lain.

"Kerajaan membiayai banyak projek infrastruktur dengan menggunakan pinjaman dari Jepun kerana pinjaman mereka adalah lebih menarik.

"Kalau tidak (mendapat pinjaman Jepun), kita terpaksa mendapat dari pasaran lain dan ia mungkin membabitkan kos tinggi. Jika kita boleh dapat pinjaman mudah, kita akan cuba," katanya kepada pemberita selepas kunjungan Pengakap Dunia di Dewan Taklimat Bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai hasil perbincangannya dengan Menteri Kewangan Jepun, Masajuro Shiokawa di pejabatnya semalam.

Shiokawa juga mengadakan kunjungan hormat terhadap Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, Jepun ingin terus menjalin kerjasama erat dengan Malaysia dan menimbang membantu negara ini dalam menjana ekonomi.

"Mereka mahu menghulurkan segala bantuan yang boleh, biarpun mereka kata kita bukan lagi negara membangun kerana kita sudah maju setakat ini.

"Jadi, kita tidak boleh lagi mendapat pinjaman mudah sebagaimana kita peroleh sebelum ini tetapi Jepun masih pertimbang membantu kita," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Setiausaha Negara Hal Ehwat Luar Negara dan Komanwel Britain, Jack Straw kelmarin, Dr Mahathir berkata, Malaysia menyatakan rasa tidak puas hati terhadap notis perjalanan negara itu yang mendakwa negara ini tidak selamat.

Beliau berkata, Britain tidak boleh mengaitkan Malaysia dengan seluruh negara di rantau Asia Tenggara, sebaliknya perlu lebih spesifik dalam mengeluarkan nasihat perjalanan kepada rakyatnya.

"Mereka bersetuju meneliti semula kandungan nasihat perjalanan berkenaan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Straw menjelaskan Britain tidak mahu peperangan di Iraq tetapi beliau tidak mahu mengulas pengakuan yang dibuat negara itu.

"Saya tidak kata saya yakin atau tidak... itu apa yang mereka beritahu saya," katanya yang mengharapkan 'keajaiban' yang dapat mengelak peperangan di Timur Tengah.

Mengenai keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(PBB) untuk mengeluarkan nama Barisan Nasional (BN) dari dikaitkan dengan

al-Qaeda, beliau berkata: "Komen saya... Alhamdulillah."

Ketika menjawab soalan pengakap dari Britain dalam sesi soal jawab, Dr Mahathir berkata, idea mengenai keamanan perlu ditanam di kalangan anak muda kerana ia pendorong kepada keamanan dan keharmonian berkekalan di seluruh dunia.

Katanya, apabila idea itu dijadikan budaya kehidupan masyarakat, sebarang peperangan dapat dielakkan.

"Kita boleh bersikap kritikal kepada mereka yang inginkan peperangan kerana ia sebenarnya tidak boleh menyelesaikan sebarang masalah. Lihat pada sejarah Jerman dan Jepun. Ia membuktikan bahawa peperangan tidak memberi sebarang kebaikan kepada masyarakat dunia," katanya.

Kira-kira 80 daripada 800 pengakap dari Britain, Sweden dan Denmark yang berada di Malaysia, hadir pada majlis itu.

Persinggahan kontinjen pengakap itu sebahagian Program Keluarga Angkat sempena Jambori Pengakap Sedunia ke-20 yang diadakan di Thailand dari 28 Disember lalu hingga 8 Januari.